

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kementerian telah memastikan setiap seorang jemaah Menterinya menerima, menghormati dan mendukung semangat-semangat Rukun Negara dan sama ada beliau bersedia untuk membuang mana-mana Menteri yang tidak menjunjung semangat Rukun Negara.

**JAWAPAN : [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk benar-benar memahami Rukun Negara kita perlu kembali ke teks asalnya yang jarang dibincangkan secara terbuka kerana yang sering disebut-sebut hanyalah sebahagiannya sahaja, iaitu adalah LIMA Prinsip Rukun Negara.

Dari asalnya RUKUN NEGARA mengandungi dua bahagian yang sama penting dan saling bergantung. Misalnya, Bahagian pertama ialah Mukadimah. Di dalamnya dirakamkan LIMA cita-cita negara Malaysia mengenai perpaduan, demokrasi, kemakmuran negara, mempertahankan berbagai tradisi budaya dan membina masyarakat progresif menggunakan sains dan teknologi. Bahagian in adalah roh kepada Rukun Negara.

Manakala, Bahagian kedua ialah Prinsip Rukun Negara iaitu ikrar rakyat Malaysia untuk menumpukan seluruh tenaga dan usaha bagi mencapai LIMA cita-cita yang tersenarai dalam Mukadimah berasaskan LIMA prinsip berikut:

*Kepercayaan Kepada Tuhan  
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara  
Keluhuran Perlembagaan  
Kedaulatan Undang-Undang; dan  
Kesopanan dan Kesusilaan*

Maka RUKUN NEGARA yang mengandungi MUKADIMAH dan PRINSIP ini telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 dan semenjak itu telah diterima dan dihayati oleh rakyat di semua lapisan masyarakat Malaysia, termasuk semua Ahli Parlimen, Jemaah Menteri dan semua rakyat, tua dan muda.

## NO. SOALAN : 10

Ternyata ianya merupakan satu falsafah, ideologi yang mengandungi prinsip-prinsip murni untuk jadi panduan dan ikutan bukan suatu peraturan dan perintah, seperti undang-undang. Penghayatan RUKUN NEGARA biar pun diangkat oleh pemerintahan Malaysia sebagai sesuatu yang utama, proses penghayatannya berlaku di dua peringkat. Peringkat pertama di paras peribadi untuk mengisi nilai dan amalan seseorang. Peringkat kedua adalah secara kolektif, di mana rakyat beramai-ramai sebagai keluarga dan komuniti sama-sama menghayati dan mengamalkan prinsip-prinsip RUKUN NEGARA.

Dengan itu, keseluruhan penghayatan RUKUN NEGARA dialami dengan mendalam oleh semua lapisan rakyat. Oleh itu, dalam sistem demokrasi di Malaysia, tiada siapa yang boleh dihukum kalau tidak menerima, menghormati dan mendukung semangat RUKUN NEGARA. Namun, RUKUN NEGARA adalah Rukun Perpaduan yang mengikat rakyat dengan segala usaha perpaduan di seluruh negara kerana RUKUN NEGARA adalah cita-cita negara.

Sekian, terima kasih.